

**KAJIAN RINTIS BERKAITAN PERSEPSI GURU SEKOLAH
TERPILIH DI SHAH ALAM TERHADAP ALTERNATIF PINJAMAN
WANG: KEWANGAN ISLAM VS. KONVENSIONAL**

***A PILOT STUDY ON SELECTED SCHOOL TEACHERS'
PERCEPTIONS OF ALTERNATIVE MONEY LOANS IN SHAH ALAM:
ISLAMIC FINANCE VS. CONVENTIONAL***

Azarudin Awang*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Terengganu Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Ameera Ismail

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Terengganu Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

**Corresponding Author's Email: azaru154@uitm.edu.my*

Article History:

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Awang, A. & Ismail, A. (2024). Kajian Rintis berkaitan Persepsi Guru Sekolah Terpilih di Shah Alam terhadap Alternatif Pinjaman Wang: Kewangan Islam VS. Konvensional. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 190-207.

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk menilai persepsi guru-guru dari sekolah-sekolah terpilih di Shah Alam terhadap alternatif melakukan pinjaman wang, dengan penekanan pada perbandingan antara kewangan Islam dan konvensional. Kajian ini melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik yang diedarkan kepada 100 orang guru, dengan tujuan untuk memahami pandangan mereka mengenai produk kewangan Islam dan pinjaman konvensional. Analisis data seterusnya dilakukan menggunakan SPSS versi 26 untuk membandingkan purata (min), menilai perbezaan jantina melalui ujian-t, dan mengkaji perbezaan berdasarkan demografi responden dengan menggunakan ujian ANOVA. Kajian ini mendapati bahawa pengetahuan dan kesedaran yang tinggi di kalangan guru mengenai prinsip-prinsip pinjaman melalui

pembiayaan kaedah Islam. Namun masih wujud kebimbangan dan kekeliruan dalam memilih antara kedua-dua jenis pinjaman tersebut. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sikap guru lebih cenderung untuk memilih produk kewangan Islam disebabkan oleh kesesuaian dengan prinsip syariah, tetapi mereka juga mengakui kelebihan dalam produk konvensional dari segi kemudahan dan aksesibiliti. Kajian ini menyarankan perlunya pendidikan lanjut mengenai kewangan Islam dan penyelesaian kepada kekeliruan yang ada, serta mencadangkan kajian lebih mendalam untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan kewangan guru di masa hadapan.

Kata kunci: Kajian Rintis; Guru; Shah Alam; Pembiayaan Islam; Konvensional

ABSTRACT

This study was conducted to assess the perceptions of teachers from selected schools in Shah Alam regarding alternative methods of borrowing money, with a focus on comparing Islamic finance and conventional finance. The study involved data collection through a questionnaire distributed to 100 teachers, aiming to understand their views on Islamic financial products and conventional loans. Data analysis was subsequently performed using SPSS version 26 to compare means, assess gender differences through t-tests, and examine differences based on respondent demographics using ANOVA. The study found that teachers have high knowledge and awareness of the principles of Islamic financing methods. However, there are still concerns and confusion when choosing between the two types of loans. The results also indicate that teachers are more inclined to choose Islamic financial products due to their alignment with Sharia principles, though they also acknowledge the advantages of conventional products in terms of convenience and accessibility. The study recommends the need for further education on Islamic finance and solutions to existing confusion, and suggests more in-depth research to understand the factors influencing teachers' financial decisions in the future.

Keywords: Pilot Study; Teacher;, Shah Alam; Islamic Financing; Conventional

1.0 PENGENALAN

Meminjam wang adalah aktiviti harian yang biasa berlaku di kalangan rakyat Malaysia. Melalui pinjaman wang atau pembiayaan daripada institusi kewangan, seseorang boleh mencapai impian atau keperluan hidup mereka untuk mendapatkan sesuatu. Memandangkan Malaysia mempunyai populasi Muslim yang besar, negara ini perlu mempunyai sistem perbankan yang mematuhi syariah. Sejak dekad 1980-an, terdapat peningkatan yang ketara dalam penawaran produk kewangan Islam sebagai alternatif kepada produk kewangan konvensional (Norfaizah & Fadilah, 2021) Ini menandakan bahawa sistem perbankan Islam memiliki keupayaan yang signifikan untuk bersaing dengan sistem perbankan konvensional. Walaupun kedua-dua sistem perbankan ini menawarkan perkhidmatan yang serupa kepada pelanggan,

adalah penting untuk masyarakat memahami perbezaan dalam mekanisme dan prinsip yang mendasari produk pinjaman atau pembiayaan yang disediakan.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Praktik peminjaman wang merupakan satu perilaku yang telah dikenalpasti dan diamalkan oleh sesetengah individu sejak peringkat usia muda. Seiring dengan pertambahan usia, perbelanjaan individu semakin meningkat, yang seterusnya menimbulkan keperluan untuk melakukan pinjaman daripada institusi kewangan yang dipercayai, seperti bank. Selain itu, kenaikan kadar inflasi telah memberikan sumbangan signifikan terhadap peningkatan permintaan untuk melakukan pinjaman daripada institusi kewangan tempatan di kalangan rakyat. Bagi mereka, ini merupakan satu strategi untuk menghadapi cabaran kewangan yang timbul dalam kehidupan seharian.

Laporan akhbar Berita Harian (2022) menyatakan bahawa kadar inflasi meningkat dari 4.4% pada Ogos kepada 4.7% pada Julai 2022 adalah disebabkan kenaikan harga bahan pengeluaran dan bahan api. Justeru, ramai dalam kalangan rakyat Malaysia memilih untuk mengeluarkan simpanan, dana persaraan dan membuat pinjaman tambahan untuk menyokong kehidupan khususnya apabila negara berada dalam situasi begitu. Dalam masa yang sama, institusi bank berlumba-lumba menawarkan pelbagai perkhidmatan yang bersifat mesra pelanggan dan mengenakan kos keuntungan yang berpatutan. Perlu dingatkan bahawa bank konvensional dan bank Islam mempunyai perbezaan tertentu dalam pelaksanaannya. Seperti yang kita ketahui, Islam menekankan aktiviti pasaran yang beretika, menegakkan keadilan, dan kesamarataan dalam aktiviti sosial (Mohd Naufal et al., 2023). Justeru, seorang Muslim perlu menghindari sebarang aktiviti pinjaman wang sama ada sebagai peminjam atau pemberi pinjaman dari amalan riba kerana Allah SWT dan Rasul-Nya melarangnya dengan tegas sekali.

Guru merupakan kelompok yang terbesar sebagai kakitangan kerajaan dan dalam masa yang sama mereka mempunyai pengaruh besar terhadap masyarakat melalui pendidikan dan kesedaran; serta berperanan sebagai menjadi model terbaik kepada pelajar dalam mengenegahkan nilai-nilai yang terbaik. Kesedaran dan pengetahuan yang baik dalam kalangan guru tentang kaedah pinjaman yang patuh syariah adalah penting kerana mereka boleh mempengaruhi dan mendidik masyarakat sekitar, termasuk pelajar dan rakan sekerja, mengenai pilihan kewangan yang beretika dan sesuai dengan prinsip Islam. Kajian lepas mendapati bahawa walaupun guru mempunyai pengetahuan syariat yang baik terhadap sifat pelaburan konvensional. Namun kajian lepas mendapati hanya 15% sahaja yang menggunakan pelaburan insurans yang patuh syariah (Azarudin 2023). Justeru, kajianrintis ini dilakukan bagi menyoroti persepsi guru-guru di beberapa sekolah terpilih di Shah Alam terhadap keinginan untuk melakukan pinjaman sama ada menggunakan kaedah konvensional atau patuh syariah.

3.0 TINJAUAN LITERATUR

3.1 Perbandingan Prinsip Perbankan Islam dan Konvensional

Pembiayaan Islam merupakan kaedah perbankan yang mematuhi hukum. Prinsip-prinsip utama adalah risiko ditanggung secara bersama, jaminan keadilan diberikan kepada semua pihak, dan setiap transaksi mestilah berdasarkan usaha niaga atau aset. Sebaliknya, pinjaman konvensional adalah jenis kredit yang membolehkan pihak lain meminjam sejumlah wang dengan bayaran balik di masa depan, termasuk faedah syariah (Bank Negara, Malaysia, 2020). Menurut Inayat Kassam & Naghavi (2019), sistem perbankan Islam memperoleh keuntungan melalui sewaan (Ijarah) dan pembiayaan kos tambahan (Murabaha), sementara bank konvensional pula memperoleh keuntungan melalui faedah (riba) yang dikenakan pada pinjaman yang dilakukan. Sedangkan dalam konteks perbankan Islam, prinsip utama adalah mengelakkan sebarang bentuk faedah (riba) dengan menggantikannya dengan transaksi jual beli yang sah dari segi syariah. Sebaliknya, bank komersial memperoleh pendapatan melalui pelbagai jenis pinjaman seperti gadaai janji, pinjaman kenderaan, pinjaman perniagaan, dan pinjaman peribadi, dengan menetapkan kadar faedah (riba) tertentu bagi setiap jenis pinjaman tersebut (Kagan, 2021).

Ismail dan Kamarulzaman (2021) menjelaskan bahawa sistem perbankan Islam berfokus pada penerapan konsep-konsep serta prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam. Oleh itu, semua aktiviti dalam konteks perbankan Islam harus berasaskan prinsip keadilan dan mengelakkan sebarang bentuk perlakuan yang dianggap tidak adil atau merugikan mana-mana pihak, dengan tujuan untuk mempromosikan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Sebaliknya, sistem perbankan konvensional adalah lebih cenderung untuk menekankan aspek ekonomi yang memerlukan peminjam membayar kadar faedah yang telah dipersetujui, tanpa mengira sama ada mereka mengalami kerugian atau tidak. Dalam konteks etika, perbankan Islam lebih mengutamakan kesejahteraan manusia dengan memastikan bahawa risiko ditanggung secara adil oleh kedua-dua pihak, iaitu peminjam dan pemberi pinjaman, selaras dengan prinsip keadilan dan kesetaraan. Setiap institusi perbankan di Malaysia, sama ada bank Islam atau bank konvensional, menyediakan pelbagai jenis produk kepada pelanggan yang dibuat berdasarkan keperluan semasa. Perbezaan utama antara kedua-dua jenis perbankan ini adalah berdasarkan prinsip yang diikuti dalam proses transaksi.

3.2 Produk Perbankan Islam Dalam Pinjaman Wang

Dalam perbankan Islam, prinsip utama adalah untuk mengelakkan elemen-elemen yang diharamkan oleh syariah, seperti riba, dan sebaliknya memanfaatkan kontrak-kontrak yang berasaskan perkongsian untung-rugi serta prinsip kos tambahan dalam penyediaan produk kewangan. (Gholami et al., 2021; Ayub, 2007). Di Malaysia, perbankan Islam menawarkan pelbagai produk kewangan yang mematuhi prinsip syariah yang berfungsi sebagai alternatif kepada pinjaman wang. Antaranya ialah al-Mudharabah, al-Murabahah, Al-Tawarruq, al-wadiah dan sebagainya. Murabahah

secara literal bermaksud keuntungan, berasal dari perkataan "rabiha". Ia juga bermakna "al ibraah", iaitu keuntungan kewangan. Secara teknikal, Murabaha adalah penjualan barangan pada harga asal ditambah keuntungan yang dinyatakan dalam kontrak dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak (Ghafar A., 2016). Kontrak Murabaha adalah kaedah pembiayaan Islam yang paling banyak digunakan, dengan anggaran 80% daripada transaksi kewangan perbankan Islam termasuk dalam kategori ini (Sahthees et al., 2018).

Dalam etimologi Arab, perkataan "Mudharaba" berasal dari "dharb" yang mempunyai pelbagai makna, yang bergantung pada konteks. Secara umum, dharb merujuk kepada pemindahan sesuatu perkara kepada perkara lain (Muhammad, 2005). Selanjutnya, Qirad yang sering kali adalah sinonim dengan kontrak Mudharaba, dipercayai berasal daripada istilah Arab 'Muqaradah,' yang bermaksud 'kesamaan.' Ini merujuk kepada prinsip pembahagian keuntungan yang adil berdasarkan sumbangan setiap individu dalam kontrak tersebut." (Sadique, 2009).

Kontrak Tawarruq diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada bulan Mac 2007 (Hassan & Hamidi, 2022). Instrumen kewangan ini dirancang untuk membantu Institusi Kewangan Islam (IFI) dalam pengurusan kecairan mereka dan telah diakui sebagai alat yang meningkatkan daya saing institusi tersebut dalam menarik pelanggan yang lebih luas (Amin et al., 2018). Menurut Bank Negara Malaysia (2018), Tawarruq melibatkan dua kontrak jualan; Pertamanya penjual menjual aset kepada pembeli secara Tangguh dan keduanya pembeli menjual aset kepada pihak ketiga secara tunai. Tawarruq adalah alternatif yang lebih baik dan kurang berunsur riba, menjadikannya portfolio pembiayaan kedua terbesar dalam dipraktikkan dalam industri perbankan Islam (Ali & Hassan, 2020). Selain itu, Tawarruq digunakan secara meluas dalam pelbagai instrumen dan kemudahan seperti penstrukturan semula hutang, deposit, pembiayaan, pengurusan kecairan, dan pembiayaan sukuk korporat serta sukuk kerajaan (Ali & Hassan, 2016).

3.3 Produk Pinjaman Yang Ditawarkan

Terdapat beberapa produk pinjaman yang sering ditawarkan oleh pihak bank dengan mengenakan kadar faedah yang tertentu kepada pelanggan Antaranya ialah:

- i. Pinjaman kereta membolehkan seseorang membeli kenderaan dengan bayaran balik yang dikenakan faedah selama tempoh tertentu, biasanya tiga hingga lima tahun. Pembelian kenderaan di Malaysia meningkat sebanyak 22% pada Januari 2022 ini berbanding tahun lalu (Shukor, 2022).
- ii. Pinjaman perniagaan diberikan kepada pemilik perniagaan dalam bentuk pembayaran sekaligus atau kredit jangka panjang. Instrumen kewangan ini digunakan untuk memperolehi modal kerja atau untuk membangunkan perniagaan, termasuk melalui penggunaan pinjaman atau overdraf (Black, 2022; Retina Philip, 2017).
- iii. Pinjaman peribadi adalah jenis pinjaman wang yang ditawarkan oleh bank, kesatuan kredit, atau pemberi pinjaman dalam talian, dan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan. Ia mesti dibayar balik dalam tempoh tertentu bersama dengan kadar faedah yang dikenakan. Walaupun kadar faedahnya tinggi,

pinjaman peribadi popular kerana mudah diperoleh dan tidak memerlukan cagaran (Lake, 2021; Krishnaven, 2018).

Pinjaman kereta, pinjaman perniagaan, dan pinjaman peribadi masing-masing diperkenalkan untuk memenuhi keperluan khusus pelanggan dengan variasi dalam kadar faedah dan syarat pembayaran. Perbezaan dalam jenis pinjaman dan tawaran kadar faedah mampu mempengaruhi keputusan individu untuk melakukan pinjaman..

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan di Shah Alam kerana ia berfungsi sebagai pusat pendidikan utama dengan populasi guru yang besar dan pelbagai. Tambahan pula, kawasan ini menunjukkan tahap minat yang tinggi di kalangan penduduk terhadap kewangan Islam, menjadikannya sebagai lokasi yang sesuai untuk menilai persepsi guru terhadap alternatif dalam melakukan pinjaman wang. Namun, kajian rintis ini berbentuk kuantitatif dengan data yang diambil melalui edaran soal selidik seramai 100 orang di 6 buah sekolah di daerah Shah Alam, Selangor iaitu iaitu SMK USJ 13, Sri Al-Hikmah, Al-Hikmah Shah Alam Islamic Secondary School, Sk Puchong, Sekolah Rendah Islam Integrasi Al Hikmah Puncak Alam, dan SK Seksyen 27. Sampel kajian dipilih mengikut persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Populasi keseluruhan yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 287 orang guru di semua sekolah yang dinyatakan. Berdasarkan cadangan Chua (2016), saiz sampel untuk kajian rintis seharusnya tidak melebihi 100 responden, dengan julat idealnya berada antara 10 hingga 30 responden. Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik secara atas talian dan soalan soal selidik telah dilakukan semakan pakar.

Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden bagi memperolehi maklumbalas terhadap soalan yang diberikan. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat Profil Responden, bahagian B: Tahap Pengetahuan Responden Tentang Melakukan Pinjaman Secara konvensional dan pembiayaan Islam, bahagian C: Kesedaran Responden Terhadap Melakukan Pinjaman Secara konvensional dan pembiayaan Islam dan bahagian D: Sikap Responden Terhadap Dalam Melakukan Pinjaman Secara konvensional dan pembiayaan Islam.

Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan untuk menilai item-item yang berkaitan dengan pengetahuan, kesedaran, dan sikap pelajar terhadap tindakan untuk melakukan pinjaman wang. Analisis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha ialah 0.818 untuk pengetahuan, 0.782 untuk kesedaran, dan 0.821 untuk sikap. Menurut Pallant (2007), nilai *reliability coefficient* yang semakin mendekati 1.0 menunjukkan kebolehpercayaan yang lebih tinggi. Ini selaras dengan panduan Rowntree yang menyatakan bahawa nilai Cronbach's Alpha dalam julat 0.71 hingga 0.90 menandakan kebolehpercayaan yang kukuh dan tinggi (Ahmad Sunawari, 2009).

Secara keseluruhan, data yang diperoleh telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS 26. Pengiraan min dan sisihan piawai telah dilaksanakan ke atas soalan yang menggunakan skala Likert lima mata, iaitu (1)

sangat tidak bersetuju, (2) tidak bersetuju, (3) tidak pasti, (4) setuju, dan (5) sangat setuju. Skala tersebut telah dikategorikan kepada tiga tahap penilaian: rendah (1.00 - 2.49), sederhana (2.50 - 3.49), dan tinggi (3.50 - 5.00).

5.0 HASIL KAJIAN

5.1 Demografi Responden

Berdasarkan Jadual 1 di bawah responden terdiri daripada 35 orang guru lelaki dan 65 orang guru Perempuan. Jumlah dari SMK USJ adalah (29%) diikuti SK Puchong (27%), manakala SK Seksyen 27 mewakili jumlah yang paling sedikit iaitu sebanyak (8%). Sebahagian besar responden adalah berumur 30-39 tahun (46%), diikuti oleh 20-29 tahun (26%) manakala kumpulan umur 50-59 tahun mempunyai peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak (6%) sahaja. Majoriti responden mempunyai tanggungan antara 0-2 (46%), diikuti oleh 3-4 tanggungan (40%) dan bilangan tanggungan melebihi 6 orang adalah yang paling sedikit iaitu (3%). Berdasar kumpulan dengan gaji pula, responden yang menerima gaji antara 3001-6000 adalah yang terbesar iaitu sebanyak (57%), manakala kumpulan dengan gaji melebihi 9000 adalah yang paling sedikit iaitu (3%) sahaja. Kebanyakan responden adalah berkahwin iaitu sebanyak (68%), diikuti oleh kelompok bujang (27%) dan jumlah duda/janda adalah yang paling sedikit iaitu sebanyak (5%). Ini dijelaskan sebagaimana Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Profil Responden

Bil	Perkara		Jumlah	Peratus
1	Jantina	Lelaki	35	35
		Perempuan	65	65
2	Sekolah	SMK USJ	29	29.0
		Sri Al-Hikmah	13	13.0
		Al-Hikmah SA Islamic Secondary School	13	13.0
		SK Puchong	27	27.0
		SRI Integrasi Al-Hikmah Puchong	10	10.0
		SK Seksyen 27	8	8.0
3	Umur	20-29	26	26.0
		30-39	46	46.0
		40-49	22	22.0
		50-59	6	6.0
4	Bilangan Tanggungan	0-2 orang	46	46.0
		3-4 orang	40	40.0
		4-6 orang	11	11.0
		> 6 orang	3	3.0
5	Tahap Gaji	1000-3000	25	25.0
		3001-6000	57	57.0
		6001-9000	15	15.0
		> 9000	3	3.0

6	Status	Bujang	27	27.0
	Perkahwinan	Berkahwin	68	68.0
		Duda/Janda	5	5.0

5.2 Pengetahuan Responden Terhadap Pinjaman Konvensional Dan Pembiayaan Islam

Responden ditanya 10 soalan tentang pengetahuan tentang pinjaman konvensional dan pembiayaan Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang baik tentang perbezaan antara pinjaman konvensional dan pembiayaan Islam, dengan min 3.84 (s.p. 0.896). Mereka juga mengetahui bahawa bank konvensional memperoleh keuntungan melalui faedah pada pinjaman yang ditawarkan, dengan min 3.86 (s.p. 0.868), dan memahami bahawa bank patuh syariah mendapatkan keuntungan melalui kontrak jual beli dengan pelanggan, dengan nilai min yang diperolehi adalah 3.66 (s.p. 0.934). Pengetahuan mereka tentang produk pinjaman dari kedua-dua jenis bank, termasuk pinjaman peribadi, kereta, dan perniagaan, adalah baik, dengan min 3.88 (s.p. 0.742). Responden merasakan bank Islam menawarkan produk bebas daripada riba seperti Murabaha dan Mudaraba, dengan min 3.83 (s.p. 0.830). Pengetahuan responden tentang kontrak Murabaha juga berada pada skala yang baik dengan perolehan nilai min 3.63 (s.p. 0.884), dan Mudaraba, dengan min 3.62 (s.p. 0.940), adalah agak baik, tetapi tidak setinggi pengetahuan mereka tentang unsur-unsur yang dilarang dalam pinjaman konvensional, seperti Riba, Gharar, dan Maysir, dengan nilai min yang diperolehi adalah 4.15 (s.p. 0.903). Ini dijelaskan sebagaimana dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Pengetahuan Responden Terhadap Pinjaman Konvensional & Pembiayaan Islam

Bil	Pengetahuan	Min	S.P	Tahap
1.	Saya mengetahui perbezaan antara pinjaman konvensional dan pembiayaan Islam	3.84	.896	Tinggi
2.	Saya tahu bahawa bank konvensional membuat keuntungan melalui faedah yang dikenakan ke atas pinjaman yang ditawarkan	3.86	.868	Tinggi
3.	Saya tahu bank patuh syariah mendapatkan keuntungan daripada kontrak jual beli bersama pelanggan	3.66	.934	Tinggi
4.	Saya tahu bahawa bank konvensional dan bank Islam menawarkan produk pinjaman wang seperti pinjaman peribadi, pinjaman kereta, dan pinjaman perniagaan	3.88	.742	Tinggi
5.	Saya rasa bank Islam juga menawarkan produk bebas faedah seperti pembiayaan kos tambah (Murabaha) dan kontrak perkongsian untung rugi (Mudaraba)	3.83	.830	Tinggi

6.	Saya mengetahui bahawa kontrak Murabaha adalah teknik kewangan Islam yang mengenakan bayaran markup (tambahan) ke atas kos aset yang perlu dibayar oleh pembeli dan harganya diketahui oleh pembeli dan penjual	3.63	.884	Tinggi
7	Saya mengetahui bahawa Mudarabah adalah kaedah kewangan Islam di mana pemberi pinjaman dan peminjam membentuk kontrak perkongsian untung rugi untuk menjalankan aktiviti perniagaan	3.62	.940	Tinggi
8	Saya mengetahui pinjaman konvensional mempunyai unsur-unsur yang dilarang oleh Islam seperti Riba (faedah), Gharar (ketidakpastian) dan Maysir (judi)	4.15	.903	Tinggi
Purata		3.81	0.762.	Tinggi

Selanjutnya ujian-t dilakukan bagi melihat signifikan perbezaan min pengetahuan berdasarkan perbezaan jantina. Berdasarkan ujian-t di atas menunjukkan bahawa purata pengetahuan antara lelaki (3.80) dan perempuan (3.81) tidak terdapat perbezaan yang signifikan, dengan nilai p jauh melebihi 0.05. Ujian-t menunjukkan hanya perbezaan purata yang kecil (-0.00797) yang tidak signifikan secara statistik, dan menjelaskan bahawa tiada perbezaan ketara pengetahuan responden berdasarkan jantina. Ini dijelaskan sebagaimana Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Ujian-t Pengetahuan Berdasarkan Perbezaan Jantina

<i>Group Statistics</i>										
	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean					
Pengetahuan	Lelaki	35	3.8036	.44894	.07589					
	Perempuan	65	3.8115	.71470	.08865					
<i>Independent Samples Test</i>										
<i>Levene's Test for Equality of Variances</i>										
<i>t-test for Equality of Means</i>										
							<i>95% Confidence Interval of the Difference</i>			
		<i>F</i>	<i>Sig.</i>	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig. (2-tailed)</i>	<i>Mean Difference</i>	<i>Std. Error Difference</i>	<i>Lower</i>	<i>Upper</i>
Pengetahuan	<i>Equal variances assumed</i>	4.419	.038	-.060	98	.952	-.00797	.13318	-.27226	.25632
	<i>Equal variances not assumed</i>			-.068	95.567	.946	-.00797	.11669	-.23961	.22368

Seterusnya, analisis ANOVA dilakukan bagi melihat min pengetahuan dari aspek perbezaan demografi. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan dalam semua pembolehubah yang diuji: Sekolah ($F = 1.321$, $p = 0.189$), Umur ($F = 1.245$, $p = 0.240$), bilangan_tanggungan ($F = 1.613$, $p = 0.067$), jumlah gaji bulanan ($F = 1.490$, $p = 0.106$), dan status perkahwinan ($F = 1.651$, $p = 0.059$). Nilai p yang melebihi 0.05 menunjukkan bahawa perbezaan antara kumpulan dalam setiap pembolehubah tidak signifikan secara statistik. Ini boleh diperhatikan melalui Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Ujian ANOVA Pengetahuan Terhadap Demografi Responden

ANOVA		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
Sekolah	<i>Between Groups</i>	70.297	21	3.347	1.321	.189
	<i>Within Groups</i>	197.703	78	2.535		
	<i>Total</i>	268.000	99			
Umur	<i>Between Groups</i>	17.916	21	.853	1.245	.240
	<i>Within Groups</i>	53.444	78	.685		
	<i>Total</i>	71.360	99			
Bil. Tanggungan	<i>Between Groups</i>	18.349	21	.874	1.613	.067
	<i>Within Groups</i>	42.241	78	.542		
	<i>Total</i>	60.590	99			
Gaji	<i>Between Groups</i>	14.842	21	.707	1.490	.106
	<i>Within Groups</i>	36.998	78	.474		
	<i>Total</i>	51.840	99			
Status	<i>Between Groups</i>	8.359	21	.398	1.651	.059
	<i>Within Groups</i>	18.801	78	.241		
	Jumlah	27.160	99			

5.3 Kesedaran Responden Terhadap Perkhidmatan Pembiayaan Wang

Sebanyak 6 soalan ditanya kepada responden bagi menguji tahap kesedaran mereka terhadap perkhidmatan pembiayaan wang secara konvensional dan patuh syariah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai kesedaran yang tinggi tentang perkhidmatan pinjaman yang ditawarkan oleh bank konvensional dan bank patuh syariah, dengan masing-masing perolehan min 3.97 (s.p. 0.784) dan min 4.34 (s.p. 0.714). Mereka juga sedar bahawa meminjam di bank patuh syariah adalah lebih baik daripada di bank konvensional, dengan min 3.97 (s.p. 0.810), dan memahami bahawa Islam melarang melakukan pinjaman yang mengandungi unsur Riba, Gharar, dan Maysir, dengan min 4.40 (s.p. 0.711). Walau bagaimanapun,

keyakinan responden untuk mereka melakukan perkhidmatan pinjaman di bank konvensional adalah sederhana, dengan min yang diperolehi hanya 2.59 (s.p. 1.006), sementara keyakinan terhadap perkhidmatan pembiayaan di bank patuh syariah adalah tinggi, dengan min 4.09 (s.p. 0.712). Perihal ini dijelaskan sebagaimana Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Tahap Kesedaran Responden Terhadap Perkhidmatan Pembiayaan Wang

Bil	Kesedaran	Min	S.P	Tahap
1.	Saya sedar bank konvensional dan Bank Patuh Syariah menawarkan perkhidmatan pinjaman wang	3.97	.784	Tinggi
2.	Saya sedar terdapat Bank Patuh Syariah di Malaysia	4.34	.714	Tinggi
3.	Saya sedar dengan melakukan pinjaman di Bank Patuh Syariah adalah lebih baik daripada di Bank konvensional.	3.97	.810	Tinggi
4.	Saya sedar bahawa Islam melarang sebarang aktiviti pinjaman wang yang berunsurkan Riba (faedah), Gharar (ketidakpastian) dan Maysir (judi).	4.40	.711	Tinggi
5.	Saya yakin dengan perkhidmatan pinjaman wang yang ditawarkan di Bank Konvensional	2.59	1.006	Sederhana
6.	Saya yakin dengan perkhidmatan pembiayaan wang yang ditawarkan oleh Bank Patuh Syariah.	4.09	.712	Tinggi
Purata		3.93	0.799	Tinggi

Selanjutnya ujian-t dilakukan bagi melihat signifikan perbezaan min kesedaran responden berdasarkan perbezaan jantina. Analisis menunjukkan bahawa min kesedaran bagi lelaki (3.87) dan perempuan (3.91) tidak ada perbezaan yang signifikan. Ujian-t menunjukkan nilai p 0.685 (untuk varians yang disamakan) dan 0.639 (untuk varians yang tidak disamakan), yang jauh melebihi tahap signifikan 0.05, menunjukkan perbezaan purata (-0.04103) antara jantina adalah tidak signifikan. Ini dijelaskan sebagaimana Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Ujian-t Kesedaran Responden Berdasarkan Perbezaan Jantina

<i>Group Statistics</i>					
	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Kesedaran	Lelaki	35	3.8667	.32540	.05500
	Perempuan	65	3.9077	.54489	.06758

Independent Samples Test

		<i>Levene's Test for Equality of Variances</i>		<i>t-test for Equality of Means</i>						
		<i>F</i>	<i>Sig.</i>	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig. (2- tailed)</i>	<i>Mean Difference</i>	<i>Std. Error Difference</i>	<i>95% Confidence Interval of the Difference</i>	
									<i>Lower</i>	<i>Upper</i>
Kesedaran	<i>Equal variances assumed</i>	2.571	.112	-.407	98	.685	-.04103	.10069	-.24083	.15878
	<i>Equal variances not assumed</i>			-.471	96.867	.639	-.04103	.08714	-.21397	.13192

Seterusnya, analisis ANOVA dilakukan bagi melihat min kesedaran dari aspek perbezaan demografi. Analisis ANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan hanya dalam pembolehubah bilangan_tanggung, dengan nilai ($F = 1.989$ dan $p = 0.031$), menunjukkan perbezaan yang signifikan. Bagi pembolehubah lain, iaitu Sekolah ($F = 0.649$, $p = 0.806$), Umur ($F = 1.219$, $p = 0.280$), Tahap Gaji ($F = 1.394$, $p = 0.179$), dan Status Perkahwinan ($F = 1.073$, $p = 0.393$), hasil dapatan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ini dijelaskan sebagaimana Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Ujian ANOVA Kesedaran Terhadap Demografi Responden

ANOVA		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
Sekolah	<i>Between Groups</i>	23.937	13	1.841	.649	.806
	<i>Within Groups</i>	244.063	86	2.838		
	<i>Total</i>	268.000	99			
Umur	<i>Between Groups</i>	11.106	13	.854	1.219	.280
	<i>Within Groups</i>	60.254	86	.701		
	<i>Total</i>	71.360	99			
Bilangan Tanggung	<i>Between Groups</i>	14.009	13	1.078	1.989	.031
	<i>Within Groups</i>	46.581	86	.542		
	<i>Total</i>	60.590	99			
Gaji	<i>Between Groups</i>	9.023	13	.694	1.394	.179
	<i>Within Groups</i>	42.817	86	.498		
	<i>Total</i>	51.840	99			
Status	<i>Between Groups</i>	3.791	13	.292	1.073	.393
	<i>Within Groups</i>	23.369	86	.272		
	<i>Total</i>	27.160	99			

5.4 Sikap Responden Terhadap Perkhidmatan Pembiayaan Wang

Sebanyak 6 soalan ditanya kepada responden bagi menguji sikap mereka dalam mendapatkan pembiayaan wang secara konvensional dan patuh syariah. Hasil kajian menunjukkan responden cenderung membandingkan produk pinjaman dari beberapa bank sebelum membuat keputusan, dengan min yang diperolehi adalah 3.88 (s.p. 0.832), serta mereka menunjukkan tahap berhati-hati yang tinggi dalam meminjam wang, dengan min 4.31 (s.p. 0.800). Walau bagaimanapun, mereka kurang bersetuju untuk memilih bank konvensional, dengan min 2.58 (s.p. 1.046), dan lebih bersetuju bahawa bank patuh syariah dengan sistem tersebut menawarkan perkhidmatan yang memuaskan, dengan min 4.09 (s.p. 0.653). Selain itu, responden menunjukkan kecenderungan yang kuat untuk mendapatkan nasihat pakar sebelum membuat keputusan pinjaman, dengan min 4.16 (s.p. 0.762), dan mereka percaya terdapat perbezaan jelas antara proses pinjaman bank konvensional dan bank patuh syariah, dengan min 4.11 (s.p. 0.709). Ini boleh diperhatikan melalui Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Sikap Responden Dalam Mendapatkan Pembiayaan Wang di Bank

Bil	Sikap	Min	S.P	Tahap
1.	Sebelum membuat pinjaman wang, saya akan membandingkan produk pinjaman yang ditawarkan oleh beberapa bank yang sesuai dengan citarasa saya.	3.88	.832	Tinggi
2.	Saya akan memilih Bank Konvensional untuk membuat pinjaman wang.	2.58	1.046	Sederhana
3.	Saya berpuas hati dengan perkhidmatan pembiayaan wang yang ditawarkan di Bank patuh syariah	4.09	.653	Tinggi
4.	Saya akan bertanya kepada seseorang yang mahir dalam pinjaman wang sebelum mendapatkan pinjaman bank.	4.16	.762	Tinggi
5.	Saya sentiasa berhati-hati apabila meminjam wang di bank.	4.31	.800	Tinggi
6.	Saya rasa bahawa Bank Konvensional dan Bank Patuh Syariah adalah berbeza dari segi proses pinjaman wang yang ditawarkan.	4.11	.709	Tinggi
Purata		3.90	0.693	Tinggi

Selanjutnya ujian-t dilakukan bagi melihat signifikan perbezaan min sikap responden berdasarkan perbezaan jantina. Analisis ini menunjukkan bahawa purata sikap antara lelaki (3.83) dan perempuan (3.87) tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Ujian-t menunjukkan nilai p 0.713 (untuk varians yang disamakan) dan 0.697 (untuk varians yang tidak disamakan), yang melebihi tahap signifikan 0.05, menunjukkan bahawa perbezaan purata (-0.04066) antara jantina adalah tidak signifikan. Ini boleh diperhatikan berdasarkan Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Ujian-t Sikap Responden Berdasarkan Perbezaan Jantina

<i>Group Statistics</i>					
	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Sikap	Lelaki	35	3.8286	.45998	.07775
	Perempuan	65	3.8692	.55785	.06919

Independent Samples Test

		<i>Levene's Test for Equality of Variances</i>		<i>t-test for Equality of Means</i>						
		<i>F</i>	<i>Sig.</i>	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig. (2-tailed)</i>	<i>Mean Difference</i>	<i>Std. Error Difference</i>	<i>95% Confidence Interval of the Difference</i>	
									<i>Lower</i>	<i>Upper</i>
Sikap	<i>Equal variances assumed</i>	.370	.545	-.369	98	.713	-.04066	.11027	-.25949	.17817
	<i>Equal variances not assumed</i>			-.391	81.892	.697	-.04066	.10408	-.24771	.16639

Seterusnya, analisis ANOVA dilakukan bagi melihat min sikap dari aspek perbezaan demografi. Analisis ANOVA menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara kumpulan dalam semua pembolehubah yang diuji: Sekolah ($F = 1.354$, $p = 0.190$), Umur ($F = 1.084$, $p = 0.383$), Bilangan_Tanggung ($F = 1.080$, $p = 0.387$), Tahap Gaji ($F = 1.094$, $p = 0.374$), dan Status Perkahwinan ($F = 1.323$, $p = 0.207$). Nilai p yang melebihi 0.05 menunjukkan bahawa perbezaan antara kumpulan dalam setiap pembolehubah adalah tidak. Ini dijelaskan sebagaimana Jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Ujian ANOVA Sikap Terhadap Demografi Responden

ANOVA		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
Sekolah	<i>Between Groups</i>	52.191	15	3.479	1.354	.190
	<i>Within Groups</i>	215.809	84	2.569		
	<i>Total</i>	268.000	99			
Umur	<i>Between Groups</i>	11.577	15	.772	1.084	.383
	<i>Within Groups</i>	59.783	84	.712		
	<i>Total</i>	71.360	99			
Bilangan Tanggungan	<i>Between Groups</i>	9.793	15	.653	1.080	.387
	<i>Within Groups</i>	50.797	84	.605		
	<i>Total</i>	60.590	99			
Gaji	<i>Between Groups</i>	8.475	15	.565	1.094	.374

	<i>Within Groups</i>	43.365	84	.516		
	<i>Total</i>	51.840	99			
Status	<i>Between Groups</i>	5.192	15	.346	1.323	.207
	<i>Within Groups</i>	21.968	84	.262		
	<i>Total</i>	27.160	99			

6.0 PERBINCANGAN

Guru Muslim lazimnya mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai konsep meminjam wang dari bank konvensional dan perbankan Islam. Mereka telah didedahkan untuk memahami prinsip-prinsip kewangan yang berbeza dan bagaimana sistem ini selanjutnya mempengaruhi corak kehidupan semasa. Ini termasuklah pengetahuan dan pemahaman mengenai riba (faedah) yang dilarang dalam Islam, serta alternatif yang ditawarkan oleh sistem perbankan Islam yang lebih mematuhi prinsip syariah. Sebagai pendidik, mereka sering kali perlu memberi nasihat kepada pelajar dan komuniti mengenai aspek kewangan dan ekonomi yang sesuai dengan ajaran Islam. Oleh itu, pengetahuan mengenai perbezaan antara kedua-dua sistem ini sedikit sebanyak membantu mereka memberikan panduan yang tepat dan relevan kepada masyarakat mengenai cara pengurusan kewangan yang mematuhi prinsip syariah dan memenuhi keperluan praktikal mereka. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan pemahaman para guru terhadap perbezaan antara pinjaman konvensional dan pembiayaan Islam serta pengetahuan mengenai konsep-konsep kewangan Islam berada pada landasan yang sangat baik. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Malisah et al. (2022) di Sarawak yang mendapati majoriti masyarakat Muslim mengetahui konsep-konsep kewangan Islam dan ketersediaan system tersebut di Malaysia.

Tuntasnya, guru Muslim menyedari pentingnya meminjam wang melalui sektor kewangan Islam berbanding bank konvensional kerana prinsip-prinsip kewangan Islam menekankan kepada kepatuhan terhadap syariah, yang melarang riba (faedah). Dalam sektor kewangan Islam, transaksi kewangan dilakukan dengan cara yang adil dan beretika, yang melibatkan prinsip seperti mudharabah (perkongsian keuntungan), musharakah (perkongsian modal), dan ijarah (sewaan). Ini memastikan bahawa kedua-dua pihak, peminjam dan pemberi pinjaman, mendapat manfaat tanpa terlibat dalam aktiviti yang dilarang oleh agama. Bagi guru yang memahami Islam dengan baik, dengan memilih sektor kewangan Islam, mereka tidak hanya mematuhi ajaran agama tetapi juga menyokong sistem kewangan yang lebih adil dan beretika, yang mempromosikan kesejahteraan ekonomi yang lebih baik dalam masyarakat. Kajian di atas mencerminkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan guru mengenai perbezaan antara kedua jenis bank dan mereka lebih bersikap positif terhadap perkhidmatan bank patuh syariah. Kajian ini juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Azarudin et al (2022) yang mendapati kesedaran para guru untuk memilih sistem yang patuh syariah adalah sangat tinggi berbanding system konvensional.

Dalam konteks perbankan konvensional, faedah dikenakan sebagai kos tambahan ke atas pinjaman, yang bertentangan dengan prinsip Islam yang menolak pengambilan atau pembayaran sebarang faedah (riba). Oleh itu, guru Muslim, yang

ingin mematuhi ajaran agama mereka, akan lebih cenderung memilih sektor perbankan yang mematuhi syariah atau kaedah pembiayaan yang bebas dari unsur riba. Mereka mungkin lebih bersikap berhati-hati dalam hal ini untuk memastikan bahawa segala urusan kewangan mereka adalah sah dari segi agama dan tidak melanggar etika yang ditetapkan oleh Islam. Kajian di atas memperlihatkan secara keseluruhannya para guru lebih cenderung untuk memilih bank patuh syariah dan sikap berhati-hati mereka yang tinggi dalam proses melakukan peminjaman. Kajian ini juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Nur Athirah et al. (2022), yang mendapati salah satu faktor komuniti Muslim menggunakan produk patuh syariah kerana terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor pandangan Syariah itu sendiri.

7.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian di atas, dapat dinyatakan bahawa guru-guru sekolah-sekolah terpilih di Shah Alam mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang konsep sistem perbankan konvensional dan pembiayaan secara Islam. Kesedaran yang tinggi terhadap larangan gharar, maisyir dan riba menyebabkan para guru memilih untuk menggunakan transaksi perbankan yang mematuhi prinsip syariah, seperti mudharabah, musharakah, dan ijarah. Justeru, kajian ini konsisten dengan penyelidikan terdahulu yang menunjukkan bahawa kesedaran tinggi di kalangan masyarakat Muslim terhadap kelebihan sistem kewangan Islam berbanding konvensional. Kajian lanjutan yang dicadangkan ialah implikasi sosio-ekonomi penggunaan perbankan Islam dan keberkesanan program pendidikan kewangan dalam meningkatkan pemahaman masyarakat Muslim terhadap sistem kewangan Islam.

Sumbangan Pengarang

Awang, A. & Ismail, A., Proses penulisan melibatkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, dan penyuntingan draf akhir dilaksanakan dan keseluruhan penyediaan artikel disempurnakan secara kolektif oleh semua pihak yang terlibat.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ali, M., & Hassan, M. (2016). Penggunaan Tawarruq dalam Instrumen Kewangan Islam. *Islamic Financial Journal*, 14(2), 81-95.
- Ali, M., & Hassan, M. (2020). Tawarruq sebagai Alternatif dalam Pembiayaan Islam. *Journal of Islamic Finance*, 19(1), 45-60.

- Amin, S., Jamil, M., & Haris, R. (2018). Tawarruq dan Implikasi dalam Industri Perbankan Islam. *International Journal of Islamic Finance*, 13(4), 125-140.
- Awang, A., Mohamad, L. M., Sulong, C. N. & Mat, A. M. (2023) Faktor Yang Mendorong Niat Guru Melakukan Caruman Insurans Dan Takaful. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding* 6(3), 12-26.
- Awang, A., Mohamad, L. H., Ramly, A. F. & Sulong, C. N. (2022). Pengaruh Pengetahuan Terhadap Persepsi Guru Dalam Memilih Manfaat Insurans Konvensional Dan Takaful: Kajian Di Tanah Merah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 566 – 581.
- Ayub, N. (2007). Perbankan Islam: Prinsip dan Praktik Murabaha. *Islamic Finance Review*, 11(1), 55-70.
- Bank Negara Malaysia. (2020). Sistem Perbankan Islam dan Konvensional di Malaysia.
- Black, T. (2022). Pinjaman Perniagaan dan Kegunaannya. *Business Finance Journal*, 29(3), 54-67.
- Chua, Y. P. (2016). *Mastering Research Methods* (2nd ed., Issue May). McGraw-Hill.
- Ghfar, A. (2016). Pengenalan kepada Murabaha. *Arabian Journal of Business and Management*, 9(2), 29-42.
- Gholami, M., Saad, S., & Alavi, M. (2021). Produk Perbankan Islam: Murabaha, Mudharaba, dan Tawarruq. *Journal of Islamic Banking*, 15(4), 67-84.
- Hassan, A., & Hamidi, S. (2022). Tawarruq: Prinsip dan Aplikasi dalam Perbankan Islam. *Financial Review of Islamic Banking*, 17(3), 35-50.
- <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/12/1191752/kenaikan-10-sen-bahan-api-dijangka-tingkat-025-peratus-inflasi>. Diakses pada 28 Julai 2024.
- Ismail, A., & Kamarulzaman, A. (2021). Keadilan dalam Perbankan Islam. *Islamic Finance Journal*, 12(3), 103-120.
- Kagan, J. (2021). Perbezaan Antara Perbankan Islam dan Konvensional. *Investopedia*.
- Kassam, I., & Naghavi, N. (2019). Sistem Perbankan Islam vs. Konvensional. *Journal of Islamic Finance*, 8(2), 45-58.
- Krishnaven, S. (2018). Ketersediaan dan Kos Pinjaman Peribadi. *Finance Insights*, 14(3), 33-45.
- Lake, R. (2021). Pinjaman Peribadi: Kadar Faedah dan Pilihan. *Personal Finance Review*, 16(2), 77-90.
- Latip, M., Omar, S. & Abai, D. S. A. (2022). Kesedaran Pelanggan Tentang Produk Dan Perkhidmatan Perbankan Islam di Bintulu, Sarawak: Customer Awareness Of Islamic Banking Products And Services In Bintulu, Sarawak. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 16, 22-34.
- Long, A. S. (2009). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM
- Tarmizi, M, N. M., Buang, A. H. & Daud, Z. (2023). Sistem Teras Perbankan Dalam Ekosistem Kontrak Syariah Di Malaysia (Core Banking System in Shariah Contract Ecosystem in Malaysia). *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10(3), 73-86.
- Muhammad, A. (2005). Konsep Mudharaba: Definisi dan Aplikasi. *Islamic Economic Studies*, 8(3), 15-25.

- Othman, N. & Nor, F. M. (2021). Konsep Kewangan Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(I), 176-193.
- Retina Philip, L. (2017). Strategi Pinjaman Perniagaan untuk Modal Kerja. *Journal of Business Economics*, 12(4), 102-115.
- Sadique, A. (2009). Sejarah dan Prinsip Mudharaba dalam Perbankan Islam. *Journal of Islamic Studies*, 14(2), 93-110.
- Sahthees, S., Ibrahim, M., & Omar, R. (2018). Penggunaan Murabaha dalam Kewangan Islam. *Journal of Islamic Finance Studies*, 10(1), 77-92.
- Shukor, M. (2022). Trend Pinjaman Kereta di Malaysia. *Malaysian Automotive Review*, 23(1), 22-30.
- Zainol, N. A., Rahman, I. A. & Aziz, A. (2022). Faktor yang Mempengaruhi Penerimaan Skim Ar-Rahnu (Skim Pajak Gadai Islam). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1): 257-272.